

BANTUAN PELAJARAN TUNKU ABDUL RAHMAN 2017

Bantuan pelajaran yang diberi nama **Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman** ini diwujudkan untuk mengenang sifat perihatin Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri Malaysia pertama. **Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman** ini dikhususkan untuk pelajar yang berlatar belakang daripada golongan miskin bagi membantu menampung kos sara hidup untuk dua (2) semester (10 bulan sahaja) semasa mengikuti pengajian sepenuh masa Ijazah Sarjana Muda di IPTA.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i) Warganegara Malaysia.
- ii) Berdaftar sepenuh masa dalam sebarang **program Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- iii) Berlatar belakang keluarga miskin tegar.
- iv) Pemohon yang sedang menerima bantuan kewangan (pinjaman), masih layak memohon.

KADAR BANTUAN DAN CARA BAYARAN

Amaun bantuan dan bilangan penerima akan ditentukan oleh Lembaga Pemegang Amanah YTAR. Sumbangan akan diberi melalui Bendahari universiti.

PENGESAHAN PENDAPATAN KELUARGA

Maklumat berkaitan pendapatan keluarga pemohon hendaklah disahkan oleh Penguasa yang benar-benar mengenali keluarga pemohon seperti Penghulu Mukim (atau setaraf) atau Ketua Jabatan (Majikan ibubapa/penjaga).

CARA MEMOHON

Calon yang layak boleh mendapatkan Borang Permohonan BPTAR dengan memuat turun daripada laman web YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN di : www.yayasantar.org.my. (klik Borang Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman). Semua permohonan mesti diserahkan kepada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UPM **sebelum 30 September 2017**.

Hanya calon yang disenarai pendek akan dihubungi. Pemohon yang tidak dihubungi oleh Hal Ehwal Pelajar universiti selepas 3 bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya.